

Soalan No: 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 17.3.2016

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk meningkatkan mutu Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah. Apakah Kementerian akan mewajibkan kelulusan Bahasa Inggeris bersama Bahasa Malaysia di peringkat SPM, dan sekurang-kurangnya gred C di peringkat PMR, bagi mengatasi masalah kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pemantauan data dan kajian simulasi khas berdasarkan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula tahun 2011, 2012, 2013 dan 2014. Hasil kajian tersebut menunjukkan guru dan murid masih belum bersedia dengan pelaksanaan syarat wajib lulus mata pelajaran tersebut. Sehubungan dengan itu keputusan KPM untuk menangguhkan pelaksanaan mata pelajaran Bahasa Inggeris sebagai syarat wajib lulus mulai SPM Tahun 2016 dilakukan untuk memberi ruang dan peluang kepada guru, murid serta pihak berkaitan dalam membuat persediaan yang lebih rapi.

Mulai tahun 2014, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) telah menggantikan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) merupakan komponen Pentaksiran Pusat (PP) yang terdapat dalam PBS yang dilaksanakan di akhir Tingkatan 3. PT3 adalah pentaksiran sumatif bagi menilai pencapaian akademik murid dan mentaksir aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai murid di peringkat sekolah. Sehubungan dengan itu, tiada keperluan mewajibkan mata pelajaran Bahasa Inggeris sebagai syarat wajib lulus PT3.

KPM juga sedang melaksanakan beberapa inisiatif Bahasa Inggeris (BI) peringkat sekolah rendah dan menengah sebagai langkah persediaan apabila mata pelajaran BI menjadi salah satu mata pelajaran wajib lulus. Antara usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(a) Peringkat Sekolah Rendah

1. Pelaksanaan Program LINUS 2.0, Literasi Bahasa Inggeris (LBI) dilaksanakan untuk menangani masalah LBI dalam kalangan murid Tahap I di sekolah rendah.
2. Guru BI di Tahap I diberi pendedahan dan kursus tentang asas pemulihan dan pemulihian lanjutan menerusi FasiLINUS yang berperanan sebagai mentor dan pembimbing kepada guru BI Tahap I.
3. KPM juga telah memperkenalkan pelbagai penambahbaikan kepada kurikulum Bahasa Inggeris di sekolah rendah melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang

berbentuk modular, membolehkan penekanan yang sama diberikan untuk semua kemahiran bahasa iaitu: mendengar dan bertutur, membaca dan menulis.

4. Komponen Sastera (KOMSAS) Kontemporari Kanak-kanak diajar kepada murid Tahap II (Tahun 4 - 6) untuk membantu murid menguasai BI dengan lebih mendalam dan efektif. Murid diberi peluang untuk belajar aspek estetik dalam BI, di samping meningkatkan penguasaan tatabahasa dan kosa kata melalui cerpen, sajak dan novel grafik.

(b) Peringkat Sekolah Menengah

1. Pelaksanaan Sistem Set bagi murid Tingkatan 1 bertujuan untuk meningkatkan profisiensi BI dalam kalangan murid melalui PdP berfokus.
2. Komponen Sastera (KOMSAS) Bahasa Inggeris Sekolah Menengah dilaksanakan untuk memupuk minat murid terhadap pembacaan pelbagai genre penulisan BI. Selain dapat memperluas perbendaharaan kata dan penguasaan tatabahasa murid, profisiensi BI dalam kalangan murid dapat dipertingkatkan.